

# Hubungan KL, Yangon makin baik

BH 26 APR 2001

YANGON, Rabu – Hubungan diplomatik Malaysia-Myanmar dianggap paling baik ketika ini, terutama selepas kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke sini, Januari lalu.

Duta Malaysia ke Myanmar, Datuk Mohammad Noh, berkata ini memudahkan perdagangan dan kerjasama lain bagi memaanfaatkan hubungan dua hala itu, terutama selepas peralihan sistem sosialis di negara itu pada 1980-an.

Katanya, Yangon turut memandangkan Kuala Lumpur sebagai sahabat paling akrab dalam Asean, selepas menyertai pertubuhan serantau itu pada 1998 untuk aktif menyumbang kepada kestabilan

politik di rantau ini.

“Selama ini, seperti kerap dikatakan Dr Mahathir, Myanmar sering disalahertikan oleh dunia luar, khususnya media Barat kononnya negara itu tidak selamat dan huru-hara, padahal keadaan adalah sebaliknya,” katanya kepada wartawan Malaysia, di sini semalam.

Lawatan seminggu itu susulan kerjasama dua hala Kuala Lumpur-Yangon bagi memberi persefahaman dan pendedahan lebih meluas mengenai keadaan sosial, ekonomi dan politik di negara masing-masing, terutama di Myanmar.

Sebelum ini, banyak pihak mengutuk junta tentara di Myanmar kononnya melaku-

kan penindasan hak asasi manusia dan menekan perjuangan demokrasi di bawah pimpinan Aung San Suu Kyi.

Mohammad berkata, walaupun wujud cabaran, Myanmar menyediakan banyak peluang pelaburan, termasuk kepada usahawan Malaysia bagi menempatkan semula kilang masing-masing bagi industri berasaskan tenaga buruh murah yang banyak di sini.

Malah, katanya, hubungan baik antara kedua-dua negara memudahkan kerjasama dalam pelbagai bidang berkaitan kerana di kalangan negara Asean, hubungan Malaysia-Myanmar adalah paling intim serta tidak boleh dipertikaikan lagi.